

Dr. Mahathir wajar digelar Bapa Pemodenan Islam

9 JUN 2002

KUALA LUMPUR 8 Jun — Pemimpin Barisan Nasional (BN) berpendapat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad wajar digelar sebagai negarawan ataupun Bapa Pemodenan Islam berikutan usaha gigih beliau membantu menyelesaikan pelbagai konflik dunia terutama krisis Palestin-Israel.

Usaha itu, menurut mereka, jelas dalam setiap pertemuan Perdana Menteri dengan pemimpin penting dunia, termasuk Pope John Paul II di Vatican City, semalam.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Velu berkata, Dr. Mahathir layak diberi gelaran negarawan ekoran usaha bersungguh-sungguh untuk kedamaian dunia.

“Berikutan pendirian yang sama Perdana Menteri dengan Pope, saya percaya Dr. Mahathir semakin popular dan suara Malaysia semakin disegani,” katanya di sini hari ini sebagai mengulas pertemuan antara Dr. Mahathir dan Pope di Vatican City, semalam yang menghasilkan komitmen dan pendirian yang sama dalam beberapa permasalahan dunia termasuk isu Palestin.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik menyifatkan pertemuan bersejarah itu sebagai langkah hebat untuk mencapai kedamaian dunia. Katanya, pendirian yang sama antara Perdana Menteri dan Pope menunjukkan masyarakat dunia terutama

ma Islam dan Kristian mampu berganding bagi mewujudkan dunia yang bebas daripada konflik.

“Pertemuan ini adalah satu langkah yang cukup hebat dalam mewujudkan semula keamanan dunia,” katanya.

Liong Sik menambah, jemputan Pope kepada Perdana Menteri menunjukkan pengiktirafan masyarakat Kristian terhadap pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang moden dan progresif.

Ketua Penaja Puteri UMNO, Azalina Othman Said berkata, jemputan Pope menunjukkan pengiktirafan masyarakat Kristian terhadap sumbangan Dr. Mahathir kepada dunia Islam.